

Rancang tenaga mahir: PM

7 JAN 1992

Oleh Mutazar Abdul Ghani

KUALA LUMPUR, Isnin — Sektor awam dan swasta di negara ini perlu melaksanakan program pembangunan sumber manusia yang berkesan, untuk membolehkan tenaga kerja memiliki pelbagai kemahiran termasuk menilai pelbagai projek canggih yang akan dilaksanakan bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata berikutan perkembangan pesat sektor perindustrian ketika ini yang disumbangkan oleh pengaliran langsung pelaburan asing, membolehkan pelbagai projek moden dan canggih dilaksanakan di sini.

Sehubungan itu, beliau berkata, lebih banyak tenaga kerja mahir dalam bidang yang menggunakan kemahiran tinggi diperlukan untuk menilai pelaburan seumpama itu, bagi memastikan hanya projek berdaya maju di segi kewangan dan komersil diteruskan.

"Apabila projek mula dilaksanakan, ia juga memerlukan tenaga mahir yang mencukupi untuk mengendalikannya dan dikaitkan dengan risiko.

"Sehubungan itu, ia memerlukan pelbagai sektor, mengenal pasti dan mer-

angka pelan secara teliti keperluan tenaga manusia bagi memenuhi keperluan semasa dan akan datang," katanya di perasmian kursus Penganalisisan Projek dan Pengurusan Berisiko, di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rancangan pembangunan tenaga manusia juga perlu memberi tumpuan kepada masalah kekurangan tenaga mahir, keperluan kakitangan, pembangunan kerjaya, perubahan sikap dan produktiviti.

Menurutnya, sektor swasta perlu memastikan bekalan kakitangan teknikal dan pengurusan mahir, dengan menyediakan kemudahan pergerakan dan latihan berkesan kepada kumpulan pekerja berbakat yang ada.

Bagi pihak kerajaan, beliau berkata, ia akan terus meningkatkan kemudahan program pendidikan dan latihan bagi menyediakan tenaga kerja yang boleh digunakan dalam semua sektor dan industri.

"Pembangunan tenaga manusia bukan saja faktor meningkatkan produktiviti, tetapi akan membawa kepada pengagihan pendapatan dan membantu pencapaian penyusunan

semula objektif Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

"Daripada pengalaman empat dekad lalu, kejayaan ekonomi di negara yang kekurangan sumber bahan mentah, ternyata faktor seperti bakat, kemahiran, kreativiti dan kegigihan rakyat adalah sumber terpenting kepada mana-mana negara," katanya.

Perdana Menteri juga meminta institusi bank lebih bersikap membantu dan inovatif dalam menilai projek perniagaan, terutama oleh usahawan tempatan yang mempunyai visi, dinamik dan semangat juang bagi menjayakan cita-cita mereka.

"Saya pasti ini boleh dilakukan tanpa mengorbankan amalan tradisional bank yang berhati-hati.

"Pada masa yang sama, bank juga perlu sentiasa mengekalkan keikhlasan dan kejujuran yang tinggi dalam semua usaha mereka," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, secara keseluruhannya adalah penting bagi tenaga kerja di negara ini disemai dengan sikap positif, etika yang betul, kemahuan untuk bekerja keras dan motivasi untuk bekerja.